

Hutan paya gambut sumber bekal air berterusan

30/7

METRO AHAD -26

Kuala Selangor: Dalam menguruskan hutan sebagai sumber asli yang berkekalan di dalam negara ini, pelbagai inisiatif diambil oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) khususnya dalam memulihara dan memelihara Hutan Simpanan Kekal di negeri itu

Antaranya, dalam aspek pengurusan hutan paya gambut kerana ia bukan saja berfungsi sebagai habitat flora dan fauna malah berpotensi dijadikan kawasan ekopelancongan yang unik serta sebagai pusat pendidikan serta penyelidikan.

Selain itu, hutan paya gambut juga mempunyai peranan penting secara global dalam mengekalkan spesies terancam, endemik, 'carbon sink' dan berperanan penting dalam membekalkan sumber air secara berterusan untuk kegunaan domestik.

Justeru itu, Pelan Rancangan Pengurusan Bersepadu Hutan Paya Gambut Selangor Utara (HPGSU) 2014-2023 disediakan bagi memastikan kelestarian empat hutan paya gambut yang terdapat di sekitar Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Hulu Selangor ini terpelihara.

Penolong Pegawai Hutan Daerah Hulu Selangor Tharmizie Sagiran berkata, HPGSU merangkumi empat Hutan Simpan iaitu Hutan Simpan Raja Musa, Hutan Simpan Sungai Karang, sebahagian Hutan Simpan Bukit Belata Tambahan dan Hutan Simpan Sungai Dusun.

Kata Tharmizie, Hutan Simpan Sungai Karang dan Hutan Simpan Raja Musa dua kawasan Hutan Simpan Paya Gambut yang terbesar di Selangor dengan keluasan masing-masing mencapai 37,417 hektar dan 35,656 hektar daripada keseluruhan hampir 90,000 hektar hutan paya gambut di negeri berkenaan.

"Pelan Pengurusan Hutan Paya Gambut itu memberi tumpuan kepada aspek pemuliharaan dan pen-

cegahan kebakaran hutan kerana kawasan berkenaan sebelum ini kerap mengalami kebakaran hutan.

"JPNS tidak bersendirian kerana kami turut dibantu agensi kerajaan lain, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta penduduk setempat terbabit secara holistik bagi memastikan fungsi hutan paya gambut ini dapat dimanfaatkan secara berkekalan," katanya.

Menurut Tharmizie, bagi tujuan ekopelancongan dan pendidikan misalnya, JPNS mewujudkan sebuah pusat informasi serta rekreasi Hutan Paya Gambut di Hutan Simpan Raja Musa yang dikenali sebagai Pusat Kecemerlangan Hutan Paya Gambut Negeri Selangor.

Kata beliau, pihak jabatan sentiasa menambahbaik kemudahan di pusat kecemerlangan itu bagi memastikan program serta maklumat dapat disalurkan sebaik mungkin dan lebih interaktif.

"Pusat ini menjadi tumpuan ramai penyelidik, pelajar sekolah, penuntut universiti serta pertubuhan bukan kerajaan termasuk dari dalam dan luar negara untuk mengkaji ekosistem

serta habitat flora dan fauna Hutan Paya Gambut," katanya.

Sementara itu, Tharmizie berkata, kawasan HPGSU memiliki 107 spesies pokok, 60 spesies herba, 32 spesies orkid, 14 spesies lumut dan Lycophytes serta 24 spesies paku-pakis.

Antara spesies pokok yang boleh ditemui di kawasan itu adalah Shorea uliginosa (Meranti bakau), Xylocarpus fusca (Jangkang paya), Koompassia malaccensis (Kempas), Campnosperma sp. (Terentang paya), Cratoxylum sp. (Geronggang) serta tumbuhan terancam iaitu Gynostylus bancanus (Ramin melawis).

"Untuk fauna pula, kebanyakan Hutan Paya Gambut di Selangor dihuni oleh habitat haiwan seperti beruang matahari, harimau kumbang, cipan, memerang, musang, babi hutan, pelanduk, musang linsang dan sebagainya.

"Selain itu, 17 spesies amfibia seperti katak puru paya, 16 spesies reptilia, lebih 100 spesies ikan, 173 spesies burung, 47 spesies pepatung dan 17 spesies labah-labah juga boleh ditemui di kawasan ini," katanya.

FAKTA
HPGSU
rangkumi
empat hutan
simpan



THARMIZIE menunjukkan kawasan tadahan air.